

28 pelajar UMS sertai Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT

48 2.11.2014 84

SERAMAI 28 orang pelajar dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan 10 orang melibatkan pelajar dari Institut Kemahiran Belia Negara telah menyertai program anjuran Jabatan Belia dan Sukan Bahagian Kudat iaitu Program Rakan Muda Wawasan Desa IPT yang berlangsung selama 4 hari 3 malam di Kg Perpaduan, Kudat baru-baru ini.

Program ini mencakupi lima elemen utama iaitu Kepimpinan, Kesedaran, Kerjasama, Kesukarelaan dan Perpaduan.

Dari segi kepimpinan, mahasiswa IPT bertindak sebagai penggerak/fasilitator di sepanjang program yang dilaksanakan.

Program ini juga melibatkan program penyerahan peserta kepada keluarga angkat di kampung itu.

Sebanyak 20 buah keluarga telah terpilih sebagai keluarga angkat dan sepanjang program, peserta banyak meluangkan masa bersama keluarga mereka dalam mengenali budaya dan cara hidup disitu.

Kebanyakan peserta yang hadir merupakan peserta dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah sendiri.



NORHANA

Program berbentuk khidmat komuniti juga dilaksanakan' antaranya peserta telah membersihkan dan mengecat surau kampung itu.

Program bertumbuh sukan rakyat dan kebudayaan juga dijadikan sebagai aktiviti bersama keluarga mereka masing-masing bagi mengeratkan silaturahim dan hubungan kemesraan tanpa mengira batasan bangsa maupun agama.

Majlis penutupan dan penyerahan semula anak angkat ini telah diadakan pada akhir program dan telah dirasmikan oleh Pengarah Jabatan Belia dan Sukan (P) Negeri Sabah Datuk Hj. Mohd Dahali Hj. Matsin.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai daripada UMS, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), JBS (P) Sabah, JKKK Kampung dan penduduk kampung tersebut.

Selaku Penyelaras Sekretariat Rakan Muda UMS, Norhana Nordin berkata, program sebegini harus diteruskan kerana iaanya merupakan program yang dapat mendidik mahasiswa khususnya belia sebagai pembimbing kepada belia setemput juga akan bertindak sebagai tenaga penggerak kepada aktiviti yang dilaksanakan.

Beliau juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UMS Prof Madya Dr Ismail Ali dalam menyokong penuh penglibatan pelajar yang menyertai program ini dan semoga jalinan hubungan bersama Jabatan Belia dan Sukan Sabah serta Kg Perpaduan, Kudat berterusan.



(Gambar atas dan bawah) MAJLIS penyerahan balik dari keluarga angkat sempena dalam majlis penutupan program.



PARA peserta program bersama keluarga angkat dan perasmi bergambar sama-sama.